

04/11/2001

Pengusaha bas, teksi minta subsidi minyak

KUALA LUMPUR: Persatuan Pengusaha Bas Pan Malaysia (PMBOA) meminta kerajaan memberi geran atau subsidi petrol atau diesel sebagai ganti menaikkan tambang bas yang boleh menjejaskan pengguna.

Naib Presiden PMBOA, Razali Endon, berpendapat cadangan itu wajar berikutan pengusaha bas dan teksi bakal menanggung kerugian berikutan kenaikan harga minyak.

Beliau berkata, langkah memberi subsidi kepada syarikat pengangkutan wajar kerana pengusaha tidak mahu mengambil kesempatan kenaikan harga bahan api itu untuk menaikkan tambang.

Katanya, persatuan tidak menyalahkan kerajaan tetapi tindakan membantu pengusaha dan syarikat pengangkutan yang bergantung kepada bahan api itu adalah perlu.

"Keputusan mesyuarat persatuan pada 30 Oktober lalu untuk mengulangi pendirian adalah kekal dan kami sedang menyenarai pendek perkara yang akan dikemukakan kepada kerajaan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau yang kecewa dengan kenaikan itu berkata, kesan kenaikan harga bahan api itu boleh menyebabkan keuntungan syarikat bas terhakis, sekali gus mengalami kerugian.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengusaha pengangkutan awam tidak mempunyai alasan untuk menaikkan tambang kerana kos tambahan berikutan kenaikan harga petrol dan diesel adalah terlalu kecil.

Dr Mahathir berkata, kos tambahan berikutan kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter hanya di antara 0.8 dan 1.6 peratus daripada kos keseluruhan yang ditanggung oleh pengusaha pengangkutan.

Sebelum ini, Persatuan Pengusaha Lori Pan Malaysia (PMLOA) berhasrat menaikkan upah pengangkutan lori sebanyak 25 sen setiap tan bagi jarak 1.6 kilometer dengan alasan ahli PMLOA mengenakan upah berdasarkan kadar minimum yang dibenarkan kerajaan pada 1958.

Razali berkata, walaupun kenaikan harga bahan api dilihat tidak begitu mempengaruhi kos operasi, kerajaan perlu memikirkan harga alat ganti kenderaan yang terus meningkat secara senyap.

Beliau berkata, harga barang seperti minyak pelincir, penyelenggaraan kotak hitam, tayar dan lain-lain perlu diambil kira oleh setiap pengusaha bagi mengelakkan kerugian.

"Kami berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna, tetapi pada masa sama kami perlu memikirkan pulangan yang diperolehi," katanya.

(END)